JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# LEGASI KEPIMPINAN
## DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH

### KPPA KE-23



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
Blok C1-C3, Kompleks C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P Putrajaya, Malaysia

**LEGASI KEPIMPINAN DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH**

Hakcipta Terpelihara © 2019
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat persetujuan dan izin bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pasukan Editorial:
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Perpustakaan Negara Malaysia

Legasi Kepimpinan Datuk Seri Borhan bin Dolah
ISBN 978-983-9187-71-7

# ISI KANDUNGAN


01 **PENGHARGAAN**
MUKA SURAT 4

02 **MENJEJAK MEMORI**
MUKA SURAT 5-7

03 **SEJARAH PERKHIDMATAN**
MUKA SURAT 8-29

04 **PELANTIKAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
MUKA SURAT 30-33

05 **PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM**
MUKA SURAT 34-50

06 **KETOKOHAN**
MUKA SURAT 51-115

07 **PASUKAN EDITORIAL**
MUKA SURAT 116



# PENGHARGAAN

## DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR

### Ketua Setiausaha Negara

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran dan mengalu-alukan penerbitan buku ini yang merakamkan imbasan kepada rentetan sejarah, pencapaian dan legasi kepimpinan YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ke-23 sepanjang perkhidmatan beliau di dalam Perkhidmatan Awam. Pembukuan nostalgia, rangkaian sejarah, perkembangan dan pembaharuan perkhidmatan awam melibatkan beliau serta jasa bakti beliau kepada masyarakat adalah signifikan dan wajar untuk diamati dan dicontohi oleh anggota Perkhidmatan Awam yang lain.

Legasi Kepimpinan Datuk Seri Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ke-23 adalah hasil daripada jalinan idea, usaha, kerjasama, dan kesungguhan anggota dari pelbagai lapisan bagi penghasilan sebuah penceritaan dan perjalanan hidup seorang pegawai yang berdedikasi tinggi dan mempunyai daya kepimpinan yang disanjungi ramai. Buku ini merekodkan pelbagai pengalaman dan pencapaian YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah sepanjang 35 tahun beliau menyumbang bakti di dalam Perkhidmatan Awam.

Semoga buku ini akan menjadi pendorong dan teladan untuk semua anggota Perkhidmatan Awam agar terus berusaha dan tekad untuk meneruskan kejayaan Perkhidmatan Awam dalam pelbagai bidang dan perkhidmatan yang disediakan untuk rakyat.

# MENJEJAK MEMORI

YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah dilahirkan di Kampung Bachang Pasir Puteh, Melaka pada 9 September 1959. Anak ketiga kepada pasangan Dolah bin Md. Jok dan Siti Jamilah binti Ismail ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bachang, Melaka dan Sekolah Menengah Bachang, Melaka (yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Tuah, Melaka).

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Am dari University of Hartford, Amerika Syarikat pada tahun 1996 dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Antropologi dan Sosiologi) dengan Kepujian dari Universiti Malaya pada tahun 1983. Beliau turut dianugerahkan Diploma Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1985.

Mempunyai sepasang cahaya mata (anak perempuan dan anak lelaki) hasil perkahwinan bersama YBhg. Datin Seri Siti Salmiah binti Haji Jaafar. Beliau merupakan seorang bapa dan suami yang amat penyayang serta sering mengutamakan keluarga dalam mengimbangi antara kerjaya dan masa berkualiti bersama keluarga.








SARJANA MUDA SASTERA

**Kepujian Kelas Pertama**

| | |
|---|---|
| * Abd Karim Hussain | Pengajian Islam |
| Kho Thong Eng | Bahasa Melayu |
| Yean Yoke Heng | Pengajian Asia Tenggara |
| Zaharani bin Ahmad | Bahasa Melayu |

**Kepujian Kelas Kedua (Bahagian Tinggi)**

| | |
|---|---|
| Abd Raji Yusuff | Bahasa Melayu |
| Abd. Aziz bin Harjin | Pengajian Islam |
| Adidah @ Wan Adidah bte Wan Kasim | Geografi/Pengajian Melayu |
| Afrinah bte Mohd. Ikhsan | Pengajian Asia Tenggara |
| Ahmad Maher Abd Jalil | Pengajian Melayu |
| Ahmad bin Mustafa | Geografi |
| Ahmad Nazri Yusof | Pengajian Asia Tenggara |
| Ahmad Tajuddin bin Mohamed | Pengajian Asia Tenggara |
| Ainun Jamaaiah Hassan | Pengajian Asia Tenggara |
| Amarjit Kaur Dalip Singh | Geografi |
| Ang Nai Har | Ekonomi |
| Anuar Pandak Ahmad | Antropologi/Sosiologi |
| Aridah Hj. Dulmukti | Pengajian Melayu |
| Asiah bte Shah Ayob | Pengajian Asia Tenggara |
| Azah Ismail | Sejarah/Pengajian Islam |
| Azizah bte Hj Mohd Yassin | Bahasa Melayu |
| Azizah bte Mat Cha | Pengajian Asia Tenggara |
| Azmah bte Tambi | Penulisan Kreatif & Deskriptif |
| Azmi bin Mohd Dahan | Pengajian Asia Tenggara |
| Bhajan Kaur a/p Sewa Singh | Inggeris |
| Bibah bte Saad | Antropologi/Sosiologi |
| Borhan bin Dolah | Antropologi/Sosiologi |
| C.A. Sosammah a/p C.T. Abrahim | Pengajian Asia Tenggara |
| Chai Nget Yue | Pengajian Melayu |
| Chai Siew Lan | Pengajian Tionghoa/Matematik |
| Chan Yoon Ngan | Inggeris |
| Chang Sook Yin | Pengajian Asia Tenggara |
| Che Halim bin Said | Bahasa Melayu |
| Che Latifah Hj. Ismail | Pengajian Islam |
| Che Rohana bte Che Omar | Pengajian Melayu |
| Chee Yoke Mui | Pengajian Kependudukan |
| Cheong Shee @ Chong Sun Fatt | Matematik/Pengajian Tionghoa |
| Chew Siew Hooi | Geografi |
| Chia Teh Heng | Pengajian Tionghoa |
| Chim Chin Sin | Bahasa Melayu |
| Chin Seow Yen | Inggeris |
| Choo Mei Lan | Sejarah |



Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya pada tahun 1983

Bersama rakan-rakan pengajian Universiti Malaya






Penyampaian Diploma Pengurusan Awam (DPA) tahun 1985

Modul Tentera sewaktu mengikuti program DPA tahun 1985








Modul Tentera sewaktu mengikuti program DPA tahun 1985



Modul Tentera sewaktu mengikuti program DPA tahun 1985



Bersama rakan-rakan sejawat di awal perkhidmatan





Modul Polis sewaktu mengikuti program DPA tahun 1985



Bersama rakan-rakan di *Officers' Mess Hall* sewaktu menjalani Modul Polis

# SEJARAH PERKHIDMATAN

YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1984 sebagai Pegawai Kanan Perhubungan Masyarakat di Jabatan Perpaduan Negara sebelum dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada tahun 1986 dan ditempatkan di Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sepanjang 35 tahun dalam perkhidmatan awam, YBhg. Datuk Seri Borhan telah menjawat pelbagai jawatan di Kementerian dan Jabatan, antaranya Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Awam.






Sejarah perkhidmatan YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah



*JAWATAN-JAWATAN UTAMA DI DALAM SEKTOR AWAM YANG PERNAH BELIAU SANDANG*

## *YBhg. Datuk Seri Borhan Bin Dolah*

**1. KETUA PUSAT PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL**
*Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 17 Jun 2006*

**2. TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**
*Kementerian Belia dan Sukan pada 16 September 2008*

**3. KETUA PENGARAH**
*Jabatan Belia dan Sukan Negara pada 18 Ogos 2010*

**4. SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH**
*Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah pada 1 Februari 2015*

**5. KETUA SETIAUSAHA**
*Kementerian Pembangunan Luar Bandar (dahulu dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) pada 5 April 2017*

**6. KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)**
*Pada 13 Julai 2018*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# YBHG. DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH

## KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

- Tarikh Lahir : 9 September 1959
- Tempat Lahir : Melaka

## PENDIDIKAN

- 1996 : Sarjana Pentadbiran Awam University of Hartford USA
- 1985 : Diploma Pentadbiran Awam INTAN
- 1983 : B.A. (Hons) Universiti Malaya

## KERJAYA

- 2018 : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- 2017 : Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- 2015 : Setiausaha Persekutuan Sabah
- 2013 : Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan), JPM
- 2012 : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), JPM
- 2010 : Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara
- 2008 : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Belia dan Sukan
- 2006 – 2008 : Ketua Program, Program Pembangunan Profesional, INTAN
- 1999 : Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Perjawatan, Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA
- 1998 : Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Skim Perkhidmatan, JPA
- 1986 : Penolong Pengarah, Bahagian Perjawatan, JPA
- 1984 – 1985 : Pegawai Penyiasatan dan Latihan, Pusat Daya Pengeluaran Negara (Kementerian Perdagangan Antarabangsa)
- 1984 : Pegawai Kanan Perhubungan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri
- 1983 - 1984 : Management Executive, Traders & Merchant Insurance
- 1983 : Management Executive, Texas Instrument

## ANUGERAH

- Darjah Gemilang Seri Melaka (D.G.S.M) 13 Oktober 2018 (Membawa Gelaran " Datuk Seri ")
- Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) 13 Oktober 2012 (Membawa Gelaran " Datuk ")
- Darjah Johan Setia Mahkota (JSM) Persekutuan, 5 Jun 2010
- Anugerah Prestasi Perkhidmatan Cemerlang JPA Tahun 2007
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 1997 di JPA

## PENGLIBATAN

- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara – 1 Mac 2018 (2 tahun)
- Pengerusi Lembaga Pengarah FELCRA Asset Management – 27 Februari 2018
- Pengerusi Lembaga Pengarah FELCRA Gedong Plantation Sdn Bhd (berkuatkuasa daripada tarikh penyempurnaan Seksyen 58 dan Seksyen 201, Akta Syarikat 2016 di SSM)




*UPDATE PADA 17 APRIL 2018*

## Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

### ◊ 16 Julai 2006 sehingga 15 September 2008

YBhg. Datuk Seri Borhan pernah berkhidmat di Unit Diploma Pengurusan Awam (UDPA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selaku Ketua Pusat bermula 2006 sehingga 2008. Menyedari bahawa beliau perlu menggalas tanggungjawab bagi membentuk pemimpin masa hadapan, pelbagai agenda telah dibangunkan bagi memastikan bahawa lantikan baharu PTD dibimbing, diberi penekanan dalam bidang pentadbiran, pengurusan organisasi dan konflik, pemantapan jati diri dan kerja berpasukan dengan sahsiah yang terbaik.

Di antara program yang berjaya dibangunkan oleh beliau dalam tempoh tersebut adalah seperti perjumpaan peserta kursus bersama figura kepimpinan tertinggi iaitu Tan Sri Dato' Seri Rafidah binti Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara; Tan Sri Ismail bin Adam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Tan Sri Musa bin Hassan, Ketua Polis Negara. Tujuan utama perjumpaan ini diadakan adalah untuk membina keyakinan diri dan mengasah etika dan protokol peserta apabila berhadapan dengan mereka apatah lagi menguruskan agenda di INTAN yang melibatkan pemimpin-pemimpin yang berpengaruh ini. Dengan cara ini, peserta kursus tidak sahaja dilihat berjaya mewarisi ilmu dan daya kepimpinan malah menjadikan para pemimpin sebagai idola mereka dalam memandu arah mereka untuk lebih berwawasan tinggi, berani menyuarakan pandangan dan berjaya melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi, kreatif dan berintegriti.

Peserta kursus juga diperkenalkan mengenai kepentingan memupuk nilai kenegaraan melalui pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dengan melaksanakan program kebahasaan di bawah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti debat dan pidato dalam kalangan peserta kursus dan melibatkan diri dalam Pesta Pantun di Jabatan Perkhidmatan Awam. Usaha YBhg. Datuk Seri Borhan dalam menerapkan kecintaan terhadap seni warisan negara seperti Hari Apresiasi Batik dan Songket telah berjaya menambat hati ramai pihak, bukan sahaja membuka mata peserta kursus akan keunikan seni lukis dan tenunan negara malah melonjakkan sejarah warisan seni ini kepada penjawat awam lain yang turut bersama-sama menyerikan program yang julung-julung kali diadakan di INTAN Bukit Kiara.

Demikian itu, didapati bahawa usaha YBhg. Datuk Seri Borhan membentuk peserta kursus dalam pelbagai inisiatif kepimpinan dan pembinaan jati diri sepanjang berada di INTAN telah berjaya diwarisi dan masih diteruskan sehingga kini oleh pihak INTAN hingga sekarang. Ini membuktikan kepimpinan YBhg. Datuk Seri Borhan di INTAN telah memberi impak yang berkesan kepada modul pembelajaran peserta kursus lantas menyelitkan inisiatif yang bermanfaat tersebut dalam modul kepimpinan peserta kursus masa kini.



Merentas Desa INTAN 2006



Majlis Makan Malam Bersama KSN bagi Peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) 2/2006 (2007)



Majlis Bersama KSN bersama Peserta Kursus DPA 1/2007



Hari Kualiti dan Hari Keluarga INTAN 2006




Pengurusan Tertinggi INTAN Tahun 2017



Sesi bersama YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Dato' Seri Rafidah binti Aziz di INTAN



Mengiringi Pengarah INTAN bagi program di Pusat Pembangunan Profesional 2006




Majlis Penghargaan Batik INTAN 2008



Bengkel *Government of The Future* 2008





Perasmian Program Seni Budaya Bersama ASWARA (2008)



Modul Integrasi Peserta Kursus DPA 2/2007 di Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam




Ketibaan YBhg. Datuk Seri Borhan selaku SUP Sabah yang baharu

## Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah

◊ 1 Februari 2015 – 3 April 2017

YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah telah dilantik menjadi Setiausaha Persekutuan (SUP) Sabah berkuat kuasa 1 Februari 2015 berdasarkan kelayakan, pengalaman, pengetahuan serta kredibiliti yang dimiliki beliau.

Kebolehan dan kepimpinan beliau dalam meneruskan kecemerlangan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah terutamanya dalam memperkasakan lagi perhubungan dan kolaborasi di antara agensi Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah telah terbukti dan diperakui sepanjang tempoh khidmat bakti beliau di Sabah.





Ketibaan YBhg. Datuk Seri Borhan di Pejabat SUP Sabah




Lawatan Kerja SUP Ke Pulau Sandakan 20 Oktober 2015



Program Sumbangan Bakti Ramadan 2015




Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Warga SUP Sabah 2015



Bersama penerima Program Sumbangan Bakti Ramadan 2015



Mesyuarat Keselamatan Negeri Sabah 10 Februari 2015



Majlis *Bollywood Night* SUP Sabah
Tahun 2016



Majlis *Bollywood Night* SUP Sabah
Tahun 2016





Karnival Pendidikan Tinggi Negara
Tahun 2015




Majlis Tilawah Al Quran
Peringkat SUP Sabah Tahun 2015



Program '*Kasi Strike*' SUP Sabah (Bowling)

## Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar

(dahulu dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

◊ 4 April 2017 sehingga 12 Julai 2018



YBhg. Datuk Seri Borhan telah dilantik menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KSU KPLB) mulai 4 April 2017. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan kepercayaan bahawa dengan pengetahuan, pengalaman dan kredibiliti yang dimiliki. Di KPLB, beliau bertanggungjawab dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan. Pelantikan beliau sebagai KSU KPLB juga adalah berdasarkan pengalaman luas dalam bidang pembangunan sumber manusia serta pengurusan projek dan kewangan sepanjang perjalanan perkhidmatan beliau selama ini.



Hari Pertama Melapor Diri di KPLB



Majlis Perasmian Bazar Semenyih





Program *Moh Ngeteh* Jom Balik Kampung




Majlis Apresiasi Pasukan Penilaian *Outcome*



Majlis Konvokesyen Perdana Institusi MARA



Kunjungan Hormat daripada Perwakilan *African-Asian Rural Development Organization* (AARDO)





Mesyuarat Hubungan Kerjasama KPLB dan Kementerian Sumber Manusia



Lawatan Pemantauan Projek Jalan Perhubungan
di Rumah Panjang Sarawak




Lawatan Pemantauan Projek Jalan Perhubungan
di Rumah Panjang Sarawak



Sambutan Hari Raya Aidilfitri KEMAS



Majlis Makan Malam bersama Media KPLB 2017


Majlis Berbuka Puasa KPLB




Mengunjungi Program HALFEST Tahun 2017


Lawatan ke Agensi FELCRA 11 Jun 2018




Ngeteh Merdeka @KKLW 2017



Ngeteh Merdeka @KKLW 2017





Majlis Penutup Persidangan AARDO Tahun 2017






Majlis Perpisahan KSU KPLB




Majlis Perpisahan KSU KPLB

# PELANTIKAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) MALAYSIA KE-23

## YBHG. DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH

YBhg. Datuk Seri Borhan telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) berkuatkuasa 13 Julai 2018 bagi menggantikan YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman. Surat pelantikan jawatan KPPA yang ke-23 telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr Ali bin Hamsa.

Pelantikan beliau merupakan kepercayaan di atas pengalaman beliau berkhidmat selama lebih 33 tahun dan pengetahuan luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, pengurusan projek dan pentadbiran di peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan.






Sambutan Ketibaan YBhg. Datuk Seri Borhan ke JPA pada 16 Julai 2018




Sambutan Ketibaan YBhg. Datuk Seri Borhan ke JPA pada 16 Julai 2018




Sambutan Ketibaan YBhg. Datuk Seri Borhan ke JPA pada 16 Julai 2018

## MALAY MAIL ONLINE : 14 JULAI 2018

HOME / MALAYSIA

### Borhan Dolah appointed Public Service Dept D-G

Published 2 days ago on 13 July 2018

KUALA LUMPUR, July 13 — Datuk Borhan Dolah has been appointed as the new Director-General of Public Service Department, effective today.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa in a statement said Borhan, who replaced Tan Sri Zainal Rahim Seman, was formerly the Secretary-General of the Ministry of Rural and Regional Development and had been in the public service for more than 30 years.

He first joined as an administrative and diplomatic service officer on Jan 13, 1986.

Borhan, 59, hold a Bachelor of Arts (Anthropology and Sociology) (Hons) degree from Universiti Malaya and a Masters' degree in Public Administration from University of Hartford in the United States.

He had also served as Deputy Secretary-General (Finance and Development) at the Prime Minister's Department (JPM) and Federal Secretary of Sabah, also under the JPM. — Bernama

## UTUSAN MALAYSIA 14 JULAI 2018 M/S 6



BORHAN DOLAH

### Borhan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam baharu

PUTRAJAYA 13 Julai - Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Borhan Dolah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baharu, berkuat kuasa hari ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, Borhan dilantik ke jawatan itu bagi menggantikan Tan Sri Zainal Rahim Seman yang telah tamat tempoh kontrak.

"Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 30 tahun apabila menyertai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 13 Januari 1986.

"Beliau juga berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, pengurusan projek dan pentadbiran am," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Borhan, 59, sebelum ini pernah memegang jawatan Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Antropologi dan Sosiologi) (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Hartford, Amerika Syarikat.

## SINAR HARIAN : 14 JULAI 2018 M/S 14

### *Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam baharu*

KUALA LUMPUR - Datuk Borhan Dolah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang baharu berkuat kuasa semalam bagi menggantikan Tan Sri Zainal Rahim Seman yang tamat tempoh kontrak.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dalam satu kenyataan di sini berkata, Borhan yang sebelum ini Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah berkhidmat lebih 30 tahun dalam perkhidmatan awam.

Beliau menyertai perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 13 Januari 1986.

Borhan, 59, adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Antropologi dan Sosiologi) (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam dari University of Hartford, Amerika Syarikat.

Sebelum ini, beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Setiausaha Persekutuan Sabah, JPM. - *Bernama*

# PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Datuk Seri Borhan selaku KPPA dan peneraju pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam telah mengetuai beberapa inisiatif untuk melaksanakan perubahan dalam pentadbiran awam bagi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia lebih bersih, telus, berintegriti dan produktif serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan ialah:

- 01 Pelaksanaan Tahap Pengamalan dan Pemantapan Nilai Penjawat Awam
- 02 Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (KSPA)
- 03 Kajian Rasionalisasi Pemetaan Kementerian (RPPK)
- 04 *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR)
- 05 Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019)
- 06 Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM)

Inisiatif ini merupakan usaha pembangunan modal insan melibatkan anggota perkhidmatan awam bagi menyokong pelaksanaan dasar yang digubal oleh kerajaan khususnya di bawah enam tonggak dalam Rancangan Malaysia kesebelas (RMK-11).

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# 6 TONGGAK DASAR

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

## KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BAHARU, 2018-2020

**Tonggak I**
Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam

**Tonggak II**
Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat

**Tonggak III**
Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang

**Tonggak IV**
Memperkasa modal insan

**Tonggak V**
Mempertingkat kemampanan Alam Sekitar melalui pertumbuhan hijau

**Tonggak VI**
Memperkukuh pertumbuhan ekonomi

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# Tonggak 1 Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

## Bidang Keutamaan A
### MENAMBAH BAIK TADBIR URUS PADA SEMUA PERINGKAT

**Strategi A1**
Memperkukuh mekanisme semak dan imbang

**Strategi A2**
Menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan

**Strategi A3**
Mereformasi sistem politik



## Bidang Keutamaan B
### MENINGKATKAN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

**Strategi B1**
Memperkukuh agenda pencegahan rasuah

**Strategi B2**
Meningkatkan ketelusan

**Strategi B3**
Memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika



## Bidang Keutamaan C
### MENGUATKUASAKAN PELAKSANAAN PENGURUSAN KEWANGAN AWAM SECARA BERHEMAT

**Strategi C1**
Mempertingkat sistem belanjawan

**Strategi C2**
Menambah baik pengurusan perolehan

**Strategi C3**
Memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian



## Bidang Keutamaan D
### MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

**Strategi D1**
Mereformasi institusi sektor awam

**Strategi D2**
Memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan

**Strategi D3**
Memperkasa pihak berkuasa tempatan



SUMBER : KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

# Pelaksanaan Tahap Pengamalan dan Pemantapan Nilai Penjawat Awam

YBhg. Datuk Seri Borhan juga bertindak sebagai '*caretaker*' dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bagi keseluruhan penjawat awam dari segi pelaksanaan, penggubalan dasar baharu, dan pemantauan. Pelaksanaan SPAN ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan program-program penerapan nilai dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya; membolehkan suatu kajian impak yang lebih berkesan dibuat, pemantauan berterusan dilakukan dan kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki; dan menyeragamkan pelan bertindak ke arah memastikan keberkesanan pelaksanaan penerapan, penghayatan dan seterusnya pengamalan nilai.

Perkhidmatan Awam telah melaksanakan beberapa siri penilaian pengurusan audit nilai secara menyeluruh sejak tahun 2014 hingga sekarang. Penilaian yang diperoleh dalam tempoh empat tahun menunjukkan indeks komposit bagi setiap tahun yang dinilai berada dalam kategori "Perlu Penambahbaikan Dengan Pemantauan". Hasilnya, pada tahun 2019, SPAN telah dijadikan sebagai KPI kepada pegawai TIER 1 dan pendekatan *follow-up* dan *follow-through* dilaksanakan bagi memastikan objektif SPAN tercapai.



## Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (KSPA)

YBhg. Datuk Seri Borhan berharap melalui Dasar KSPA ini, Kerajaan akan dapat mengawal perbelanjaan; mengelakkan pembaziran; dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia; serta meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.

YBhg. Datuk Seri Borhan turut menegaskan bahawa kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh 3 tahun mulai 2019 hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian penjawat awam (pengisian sedia ada). Ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh 2 tahun.

Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui:-






Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan. Kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksana bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.

## BERITA HARIAN : 14 MAC 2019 MS 5

KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

# Tak jejas sektor kritikal

- Pelaksanaan untuk jawatan tidak diisi lebih dua tahun

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Zanariah Abd Mutalib**
bhnews@bh.com.my

▸ Putrajaya

Kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai 2019 hingga 2021, tidak akan membabitkan pemberhentian penjawat awam atau pengisian sedia ada.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Borhan Dollah, berkata pelaksanaan kawalan saiz perkhidmatan itu hanya akan membabitkan jawatan yang tidak diisi melebihi tempoh dua tahun.

"Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastaan, penyusunan semula perjawatan dan serah urus fungsi. Se-

Kelmarin, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan boleh menswastakan beberapa jabatan dan kakitangan sedia ada akan diberi pilihan menyertai entiti yang diswastakan itu dalam proses pengecilan saiz perkhidmatan awam negara, sekali gus tidak bermaksud akan berlaku pengurangan peluang pekerjaan.

Perdana Menteri memberi contoh, menerusi pengenalan dasar penswastaan pada 1983, kerajaan bukan sahaja berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, tetapi meningkatkan kecekapan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sumber secara cekap.

**Reda kebimbangan kakitangan kerajaan**

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, berkata pengumuman oleh JPA itu




## KOSMO : 14 MAC 2019 M/S 6

# Kakitangan kerajaan sedia ada tidak diberhentikan



PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan bahawa kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai 2019 hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian penjawat awam atau pengisian sedia ada.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah (**gambar**) berkata, ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi melebihi tempoh dua tahun.

Menurutnya, pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui enam cara termasuklah penswastaan, penyusunan semula perjawatan, serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

"Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

"Selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksanakan bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.

*Kosmo!* semalam melaporkan saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar akan meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan sekali gus mengecilkan peruntukan perbelanjaan pembangunan negara.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dipetik berkata, sekiranya jumlah penjawat awam seramai 1.7 juta ketika ini tidak dikawal, kos perbelanjaan mengurus akan mengambil sebahagian besar belanjawan negara setiap tahun.

HARIAN METRO : 14 MAC 2019 M/S 24

Putrajaya

## Tiada pemberhentian penjawat awam

Kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai tahun ini hingga 2021 tidak membabitkan pemberhentian penjawat awam (pengisian sedia ada).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dollah berkata, pelaksanaan kawalan saiz perkhidmatan itu hanya membabitkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh dua tahun.

"Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastaan, penyusunan semula perjawatan dan serah urus fungsi.

"Selain itu, ia turut dilakukan melalui penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan boleh menswastakan beberapa jabatan dan kakitangan sedia ada akan diberi pilihan menyertai entiti yang diswastakan itu dalam proses pengecilan saiz perkhidmatan awam negara.

Dr Mahathir berkata, pengecilan saiz perkhidmatan awam itu tidak bermaksud akan berlaku pengurangan peluang pekerjaan.

UTUSAN MALAYSIA :14 MAC 2019 M/S 1,4

## Tiada pemberhentian dalam sektor awam

"Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

DATUK BORHAN DOLLAH
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

BERITA DI MUKA 4



## Tiada pemberhentian sehingga 2021 – JPA

Oleh JUANI MUNIR ABUBAKAR
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 13 MAC

JABATAN Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan, kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai tahun ini hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian kakitangan kerajaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Borhan Dollah (gambar) berkata, ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh dua tahun.

"Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastaan, penyusunan semula perjawatan, serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

"Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Borhan menambah, selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan.

Katanya, kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksana bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.



